

Headline	KPA kesan 675 kes baru AIDS/HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Jan 2013	Color	Black/white
Section	Global	Circulation	324,097
Page No	57	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	79 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,629
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,886



# KPA kesan 675 kes baru AIDS/HIV

**Warta:** Komisi Penanggulangan AIDS (KPA) di agensi kesihatan Tangerang mengenal pasti sekurang-kurangnya 675 kes baru AIDS/HIV dalam bahagian pertama tahun lalu, kata pihak berkuasa semalam.

Pengurus KPA, Hady Irawan berkata, pejabatnya mengumpul data dari Januari hingga September mengikut kategori umur dan pekerjaan.

Mereka menemui peningkatan ketara jangkitan dalam kumpulan usia 24 hingga 45 tahun.

“Jangkitan HIV di daerah itu mencecah tahap membimbangkan kerana majoriti mereka yang berjangkit adalah dalam kategori usia

paling produktif.

“Angka itu hanya sedikit daripada jumlah sebenar yang mungkin lebih besar.

“Bukan setiap orang rela untuk menjalani ujian,” katanya kepada wartawan.

Statistik itu belum disenaraikan dalam data dikumpul antara September hingga Disember, bererti angka untuk sepanjang tahun pasti lebih buruk.

Data daripada agensi kesihatan Tangerang menunjukkan 1,515 orang di daerah itu hidup dengan HIV tahun lalu.

Bagaimanapun, KPA merekodkan 461 orang dijangkiti HIV dan 214 orang benar-benar menghidap AIDS. - [tribunenews.com](http://tribunenews.com)